

13/02/2003

Umno kaji kesesuaian umum calon awal

PEKAN: Umno akan mengkaji kesesuaian dan kesan mengumumkan lebih awal bakal calon yang bertanding pada pilihan raya umum bagi mengelak terlalu banyak politiking di kalangan ahli dan pemimpin parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah mengumumkan lebih awal atau pada saat akhir calon yang bertanding perlu dikaji dengan teliti kerana ia mempunyai kebaikan dan keburukan.

"Sekiranya, kita umum lebih awal, mungkin berlaku terlalu banyak politiking, tapi kalau saat akhir seperti pengalaman pilihan raya umum lalu, kita menghadapi banyak perubahan senarai calon.

"Jadi, bila masa yang paling tepat perlu ditentukan. Yang penting, jangan terlalu dekat sangat dengan tarikh pilihan raya sehingga timbul pelbagai keadaan tidak menentu," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa Umno mungkin menamakan lebih awal calon bakal Menteri Besar Terengganu dan Kelantan, dalam usaha merampas semula dua negeri itu.

Sebelum ini, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, minggu lalu dipetik sebagai berkata, adalah lebih baik calon Menteri Besar Kelantan dan Terengganu, diumumkan lebih awal.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis korban seekor unta di Masjid Pulau Tambun, Kuala Pahang, dekat sini semalam, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, apa yang penting calon yang dipilih bertanding pada pilihan raya benar-benar diterima rakyat.

Malah, katanya, ahli parti pula mesti memberikan sokongan padu kepada calon terbabit kerana ia faktor penentu kepada kejayaan kerusi yang ditandinginya.

Beliau berkata, bagaimanapun pengumuman lebih awal calon bertanding juga boleh menimbulkan masalah apabila mereka yang tidak menyukainya berusaha memburuk-burukkan calon terbabit.

"Soal penerimaan dan sokongan ahli parti amat penting di sini. Kalau kita umum awal tapi calon tidak mendapat sokongan parti, ia tidak berguna juga.

"Tapi bila umum awal, kita berasa calon terbabit agak selesa kerana sempat memperkenalkan dirinya kepada pengundi," katanya.

Mengenai kriteria calon, beliau berkata, seseorang itu perlu mengetahui kawasan yang ditandinginya, selain mempunyai akhlak mulia dan berwibawa.